

Jabatan Perkhidmatan 'Awam Malaysia,
Rumah Persekutuan, Jalan Sultan Hishamuddin,
KUALA LUMPUR.

28hb. September, 1970.

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL: 19 TAHUN 1970

Pemberian - milek Tanah Kerajaan kepada Pegawai2 Kerajaan.

Ada-lah saya di-arah mema'alomkan bahawa Kerajaan telah mengkaji peratoran mengenai pemberian - milek tanah Kerajaan kepada kakitangan2 Kerajaan. tujuan kajian ini bukan sahaja untuk menyelaraskan semua peratoran mengenai-nya tetapi juga untuk memberi peluang yang adil kepada semua pegawai yang berkehendakkan tanah. Ada-lah di-putuskan bahawa pegawai2 Kerajaan tidak akan di-benar memileki tanah2 pembalakan dan perlombongan tetapi boleh-lah di-benarkan memileki tanah pertanian dan tanah perumahan terta' alok kepada sharat2 tertentu.

2. Bagi tanah pertanian sa-orang pegawai itu (termasok isteri-nya, anak-nya serta anak angkat-nya yang sah di-sisi undang2) boleh-lah memohon dan di-beri tanah sechara 'direct alienation' daripada Tanah Kerajaan sa-luas2-nya 20 ekar. Luas maksima ini bukan melibatkan satu permohonan sahaja tetapi meliputi semua tanah yang dimileki sechara 'direct aleination' di-mana2 tempat di-Malaysia. Pegawai2 yang memohon hendak-lah membuat akuan dalam permohonan-nya tentang luas-nya tanah Kerajan yang telah pun di-milekinya sechara 'direct alienation' dahulu.

3. Bagi tanah untuk perumahan pula sekatan pemilikan ada-lah di dasarkan kepada unit dan bukan kepada luas tanah itu. Unit maksima tanah perumahan yana boleh dimileki oleh sa-saorang pegawai itu ialah dua. Maksima ini di-kira jumlah semua, tidak kira di-mana letakk-nya tanah itu di-Malaysia, tetapi tidak termasuk dalam hitongan luas maksima untuk tanah pertanian. Saperti untuk tanah pertanian, permohonan untuk tanah perumahan juga mesti-lah di- iringi dengan akuan sama ada pemohon itu telah atau belum memileki tapak rumah dan bilangan unit-nya yang di-perolehi sechara 'direct aleination' dari Kerajaan Negeri.

4. Pegawai2 Kerajaan sechara Sharikat Kerjasama yang berdaftar boleh memiliki tanah Kerajaan. Bagaimana pun tanah ini hanya terhad kepada tanah pertanian dan perumahan sahaja, tanah perbalakan dan perlombongan tetap juga di-larang daripada di-mileki. Pemilikan tanah pertanian dan tanah perumahan sechara Sharikat Kerjasama boleh-lah melebihi maksima2 yang di-tetapkan dengan syarat tanah2 ini tidak di- belah bahagikan kepada pegawai2 anggota sechara milekan persaorangan. Jika tanah2 ini dibelah bahagikan maka tiap-2 sa-orang pegawai itu ada-lah terta'alok kepada maksima2 itu.

5. Tanah2 yang di-luluskan adalah di-kenakan Sekatan Hak Milek (Restriction in Interest) untuk mengelakkan sebarang ramalan. Jika di- dapati Sekatan Hak Milek ini perlu di-batalkan oleh satu2 sebab tertentu, maka pegawai itu hendak-lah memohon kebenaran terlebih dahulu daripada Jabatan Perkhidmatan Awam, sa-belum memajukan permohonan-nya kepada pihak Kerajaan Negeri yang berkenaan. Permohonan untuk kebenaran ini hendak-lah di buat mengikut Borang yang di-kembarkan sebagai Lampiran 'A' kepada surat Pekeliling Perkhidmatan ini.

6. Peratoran2 di-atas ada-lah meliputi hanya tanah2 yang di-perolehi sechara 'direct alienation' daripada Kerajaan. Bagi tanah2 yang di-beli daripada puncha2 persendirian peratoran2 ini tidak di - kenakan. Bagaimana pun baik bagi tanah yang di-perolehi daripada Kerajaan mahu pun yang di-beli daripada puncha2 persendirian, laporan mestilah di buat kepada Lembaga Tatatertib dalam masa tiga bulan tanah2 itu di - mileki, mengikut kehendak **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 22 Tahun 1969** bertarikh 4 hb. November, 1969 dan pegawai2 mesti-lah bersedia melepaskan tanah itu, jika di-arahkan demikian oleh Lembaga Tatatertib atas sebab2 tertentu.

Saya yang menurut perintah,

(TAN SRI SYED ZAHIRUDDIN BIN SYED
HASSAN)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

Ketua Setiausaha kementerian.

Ketua2 Jabatan Persekutuan.

Salinan Y.B. Setiausaha2 Krajaan Negeri.

Borang Permohonan untuk mendapatkan kebenaran. bagi melepaskan tanah yang di-perolehi daripada Kerajaan.

A Butir2 berkenaan dengan Pegawai

- .
1. Nama Pegawai
:.....
 2. Umor :..... Bilangan tanggungan
:.....
 3. Nama Pemilik (Isteri,
Anak):.....

Jika lain daripada
1.....
 4. Jawatan dan Jabatan :
.....

Bahagian
:.....
.....

Gaji Pokok
:.....
.....

Dalam perhubungan / Berpencen / Tetap dan Berpencen
:.....

B Butir2 berkenaan dengan Tanah

- .
1. Jumlah tanah yang di-perolehi daripada Kerajaan:

Luas (tanah Pertanian) :
.....

Unit (tanah perumahan)
:.....
 2. Jenis tanah yang hendak di-lepaskan
:.....

Luas Awal / Unit
Asal.....
 8. Alamat / Bil.Title (Grant/Lease)
:.....

(Lot and
Section).....

.....

.....

4. Tarikh di-perolehi dan pihak yang meluluskan
:.....

.....

5. Harga
:.....
.....

6. Sama ada selesai di-bayar atau belum. Jika belum, bagaimana di-bayar
:.....

7. Jenis sekatan hak milek yang dikenakan
:.....

(Gadai / Pajak / Tukar Milek
dll).....

8. Luas / Unit yang hendak di-lepaskan
:.....

9. Sebab hendak di-lepaskan
:.....

(Nyatakan apa-apa akuan
daripada).....

Pegawai Pertanian Negeri /
Ketua.....

Jurutera Negeri mengenai ketidak-
:.....

sesuaian tanah2 ini untuk
pertanian.....

atau perumahan, jika
ada).....

10. Pernah-kah memohon dahulu dan nyatakan keputusannya
:.....

.....

.....

11. Lain2 keterangan (jika ada)
:.....

C. Pengakuan Pemohon

Saya mengaku bahawa keterangan yang di-beri di-atas adalah betul dan benar.

.....

Tandatangan pemohon

D. Ulasan/Shor Ketua Jabatan (Menyokong/tidak menyokong permohonan)

.....

Tandatangan pemohon

E. Keputusan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

(Kelulusan mungkin di-iringi dengan syarat2 tertentu)

.....

b.p Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.